



Praktis Pengukuhan

Bab 7

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.
Fill in the blanks with the correct answers.

7.1 Komposisi Udara *Composition of Air*

1. Udara ialah suatu campuran yang terdiri daripada:

Air is a mixture which consists of:

- _____ – 78%
_____ – 78%
- _____ – 21%
_____ – 21%
- _____ – 0.03%
_____ – 0.03%
- _____ – 0.97%
_____ – 0.97%

2. Gas oksigen dan karbon dioksida dikitar secara berterusan dalam atmosfera.

Oxygen and carbon dioxide gases are cycled continuously in the atmosphere.

- (a) _____ ialah kitar yang melibatkan pengambilan, penggunaan dan pengembalian karbon dalam atmosfera secara berterusan.

The _____ is the cycle that involves the intake, consumption and release of carbon continuously into the atmosphere.

- (b) _____ ialah kitar yang melibatkan pengambilan, penggunaan dan pengembalian oksigen dalam atmosfera secara berterusan.

The _____ is the cycle that involves the intake, consumption and release of oxygen continuously into the atmosphere.

3. Antara langkah yang dijalankan untuk mengelakkan gangguan kitar oksigen dan kitar karbon ialah:

Ways taken to prevent the interference of oxygen carbon cycle:

- Menghalang _____
Prevent _____
- _____ semula pokok-pokok yang telah ditebang
_____ of trees that were logged
- Mengawal pembakaran _____
Control _____ burning
- Mengelakkan penggunaan _____ pada tanaman
Avoid the use of _____ on crops
- Mengawal pembebasan _____ dari kenderaan dan kilang
Control the release of _____ from vehicles and factories

7.2 Pembakaran *Combustion*

4. Pembakaran:

Combustion:

- (a) Suatu tindak balas kimia bagi sesuatu bahan dengan _____

A chemical reaction of a substance with _____

- (b) Membebaskan tenaga _____ dan tenaga _____

Releases _____ energy and _____ energy

(c) Berlaku dengan kehadiran _____, _____ dan _____.
Takes place in the presence of _____, _____ and _____.

5. _____ digunakan untuk memadamkan kebakaran.
The _____ is used to put out the fire.

6. Prinsip pemadaman api ialah _____.
The principle of extinguishing fire is _____.

7.3 Pencemaran Udara *Air Pollution*

7. _____ ialah bahan-bahan berbahaya yang hadir dalam udara.
_____ are harmful substances or present in the air.

Kesan Buruk Akibat Pencemaran Udara *Adverse Effects of Air Pollution*

8. Kesihatan manusia:

Human health:

- (a) Asap dan jelaga merengsakan paru-paru dan menyebabkan masalah _____.
Smoke and soot irritates the lungs and cause _____ difficulties.
- (b) _____ mengganggu sistem respirasi dan menyebabkan mata menjadi gatal dan merah.
_____ affects the respiratory system and causes itchiness and redness in the eyes.
- (c) _____ mengurangkan kecekapan darah untuk mengangkut oksigen dan menyebabkan sakit kepala, kerengsaan akal atau membawa maut.
_____ reduces the amount of oxygen carried by the blood and causes headaches and brain damage.
- (d) Bahan radioaktif menyebabkan penyakit _____.
Radioactive substances cause _____.

9. Bangunan dan infrastruktur:

Buildings and infrastructures:

- (a) _____ mengotorkan bangunan.
_____ makes buildings dirty.
- (b) Sulfur dioksida dan oksida nitrogen larut dalam air hujan dan membentuk _____ yang mengakis struktur konkrit dan batu kapur.
Sulphur dioxide and oxides of nitrogen dissolve in rain water to form _____ which corrodes concrete and limestone structures.

10. Tumbuhan dan haiwan:

Plants and animals:

- (a) Hujan asid yang mengalir ke dalam sumber air menjadikan sumber air berasid dan tidak sesuai untuk kehidupan tumbuhan dan haiwan _____.
When acid rain flows into the water systems, it turns water acidic which is not suitable for _____ plants and animals.
- (b) Hujan asid menyebabkan tanah berasid dan _____.
Acid rain causes soil to be acidic and _____.

11. Iklim Bumi:

Climate:

- (a) Pembebasan asap dari kilang, eksoz kenderaan dan pembakaran terbuka menyebabkan _____.
Smoke and dust from factories, vehicles and open burning cause _____.
- (b) Peningkatan gas-gas rumah hijau seperti karbon dioksida menyebabkan lebih banyak tenaga haba yang dipantulkan oleh permukaan Bumi terperangkap dalam atmosfera. Hal ini menyebabkan _____ dan _____.
The increase of greenhouse gases such as carbon dioxide trapped in the atmosphere prevents heat from escaping into space. This causes the _____ and _____.
- (c) Pemanasan global, iaitu peningkatan _____ Bumi telah mengakibatkan perubahan cuaca yang melampau dan menyebabkan kemarau yang berpanjangan.
Global warming, the rise in Earth's _____ may result in climate change.
- (d) _____ yang berlebihan dalam atmosfera menyebabkan penipisan lapisan ozon. Hal ini membenarkan lebih banyak sinaran ultraungu (UV) yang memudaratkan hidupan sampai ke permukaan Bumi.
The increase of _____ in the atmosphere causes depletion of ozone layer. This allows more harmful ultraviolet (UV) rays to reach the Earth.